

MSNT anjur Kem SUKMA

XII Fasa 3

~~st 23/04/08 pg.722~~
KUALA TERENGGANU -

Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) akan menganjurkan Kem Sukan Malaysia (SUKMA) XII Fasa 3 di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus KUSZA, Gong Badak, di sini pada 17 hingga 27 Mei depan.

Sebelum ini, dua kem itu diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mengabang Telipot dan Institut Perguruan Sultan Mizan (IPSM), Kota Putra.

Pengaruhnya, Rosdi Awang berkata, kem yang membabitkan semua atlet SUKMA XII itu bertujuan membentuk disiplin diri yang unggul dan menambah kemahiran atlet bekerja dalam sebuah pasukan.

“Pada hari terakhir kem tersebut, semua atlet akan diarak ke seluruh daerah di negeri ini bagi memperkenalkan mereka kepada masyarakat, selain menaikkan semangat atlet yang akan membawa nama Terengganu pada temasya dwi tahunan itu kelak,” katanya.